

Terma dan Syarat PB e-Deposit Tetap (PB eFD)

1. Kelayakan

- 1.1 Akaun PB e-Deposit Tetap (selepas ini dirujuk sebagai "PB eFD") adalah akaun deposit tetap yang membenarkan pembukaan Akaun, peletakan dan pengeluaran dibuat secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian PBe (selepas ini dirujuk sebagai "PBe").
- 1.2 PB eFD adalah produk deposit tetap konvensional.
- 1.3 PB eFD hanya disediakan untuk pelanggan individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan empunya tunggal, yang telahpun mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA) persendirian konvensional dan yang telah mendaftar bagi PBe (selepas ini dirujuk sebagai "pemegang Akaun"). PB eFD tidak disediakan untuk CASA bersama.
- 1.4 Bukan individu iaitu perkongsian, entiti korporat, persekutuan, kelab dan persatuan TIDAK layak untuk membuka atau mengendalikan PB eFD.

2. Pembukaan Akaun dan Peletakan

- 2.1 PB eFD hanya boleh dibuka dan diurusniagakan secara dalam talian melalui PBe.
- 2.2 Urus niaga di kaunter adalah TIDAK dibenarkan.
- 2.3 CASA persendirian konvensional mesti dipilih semasa pembukaan akaun PB eFD (selepas ini dirujuk sebagai "CASA yang Ditetapkan") dan dirangkaikan ke Akaun PB eFD bagi tujuan peletakan/pengeluaran/pengkreditan faedah.
- 2.4 PB eFD akan dipautkan kepada CASA yang Ditetapkan dalam mana peletakan PB eFD dibuat.
- 2.5 Maklumat mengenai pelanggan PB eFD mestilah sama dengan maklumat yang diambil daripada CASA yang Ditetapkan.
- 2.6 Peletakan berganda ke dalam PB eFD adalah dibenarkan. Bagaimanapun, peletakan hanya boleh dibuat melalui PBe antara pukul enam (6) pagi hingga pukul dua belas (12) tengah malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu-waktu yang ditetapkan oleh Public Bank Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") di PBe.
- 2.7 Peletakan setiap PB eFD mesti dibuat bagi tempoh antara satu (1) bulan hingga dua puluh empat (24) bulan, tiga puluh enam (36) bulan, empat puluh lapan (48) bulan dan enam puluh (60) bulan atau tempoh lain dan pada kadar faedah yang ditetapkan oleh Bank pada bila-bila masa.
- 2.8 Pemegang Akaun hendaklah meletakkan deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi PB eFD untuk semua tempoh.
- 2.9 Tiada Resit Deposit Tetap (DT) akan dikeluarkan bagi peletakan PB eFD. Dengan ketiadaan Resit DT itu, peletakan yang ditunjukkan dalam talian akan mengikat ke atas pemegang Akaun dan Bank.

- 2.10 Apabila peletakan berjaya dibuat, Slip Peletakan/Pembaharuan PB eFD yang mengandungi butir-butir mengenai peletakan berkenaan akan dikeluarkan. Urus niaga dalam PB eFD juga akan ditunjukkan dalam penyata suku tahunan PB eFD, yang akan disediakan dalam talian melalui PBe.
- 2.11 Sumber dana bagi peletakan PB eFD akan didebitkan daripada CASA yang Ditetapkan.
- 2.12 CASA yang Ditetapkan itu tidak dibenarkan untuk ditutup kecuali kesemua peletakan PB eFD yang masih ada dikeluarkan dan perolehan daripada pengeluaran tersebut dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan.
- 2.13 Tarikh kuat kuasa peletakan PB eFD adalah pada hari yang sama peletakan dibuat jika peletakan tersebut berjaya dibuat melalui PBe.
- 2.14 Semua peletakan di bawah Akaun PB eFD TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran bagi tujuan pengakucagaran.

3. **Kadar Faedah dan Pembayaran Faedah**

- 3.1 Faedah bagi PB eFD ini akan dihentikan pada tarikh matang. Faedah terakru bagi PB eFD adalah tertakluk pada hak Bank untuk memegang jumlah seperti yang diperlukan sebagai pegangan atau cukai, levi atau pengenaan yang lain dari semasa ke semasa.
- 3.2 Tempoh dan kaedah pembayaran faedah yang disediakan adalah seperti yang berikut:

Tempoh	Pembayaran Faedah
1 – 12 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditetapkan setiap bulan; atau • Kredit dalam CASA yang Ditetapkan apabila matang; atau • Tambah kepada amaun pokok apabila matang
13-24, 36, 48 dan 60 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditetapkan setiap bulan

- 3.3 Kaedah pembayaran faedah hendaklah dipilih semasa peletakan PB eFD itu dibuat.
- 3.4 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.

4. **Pengeluaran**

- 4.1 Pengeluaran PB eFD hanya boleh dilakukan melalui PBe dan pengeluaran sebahagian mana-mana PB eFD adalah TIDAK dibenarkan.
- 4.2 Apabila PB eFD dikeluarkan, amaun pokok dan faedah yang diperolehi daripadanya (jika ada), akan dikreditkan secara automatik dalam CASA yang Ditetapkan.
- 4.3 PB eFD boleh dikeluarkan pada hari yang sama peletakan dibuat. Bagaimanapun, kedua-dua urusan peletakan dan pengeluaran pada hari berkenaan tidak akan ditunjukkan dalam penyata suku tahunan PB eFD.

5. Pengeluaran Sebelum Matang

- 5.1 Pengeluaran sebelum matang PB eFD ini hanya boleh dibuat melalui PBe.
- 5.2 Tertakluk pada peruntukan dalam butiran 5.4 bersama-sama ini, bagi PB eFD bertempoh satu (1), dua (2) atau tiga (3) bulan, yang berikut akan diterima pakai:
- Tiada faedah akan dibayar bagi peletakan yang dikeluarkan sebelum matang.
 - Bagi pemegang Akaun yang memilih untuk pengkreditan faedah secara bulanan dalam CASA yang Ditetapkan, faedah bulanan yang telah dikreditkan akan ditolak daripada amaun pokok sebelum perolehan daripada pengeluaran itu dikeluarkan dalam CASA yang Ditetapkan.
- 5.3 Tertakluk pada peruntukan dalam butiran 5.4 bersama-sama ini, bagi PB eFD yang melebihi tiga (3) bulan, yang berikut akan diterima pakai:
- Tiada faedah akan dibayar bagi PB eFD yang dikeluarkan sebelum berakhirnya tempoh tiga (3) bulan. Bagi PB eFD yang dikeluarkan sebelum matang, selepas berakhirnya tempoh tiga (3) bulan, faedah akan dikira dan dibayar separuh (1/2) daripada kadar terkontrak asal bagi setiap bulan penuh.
 - Bagi pemegang Akaun yang memilih untuk pengkreditan faedah secara bulanan ke dalam CASA yang Ditetapkan, Bank akan menolak amaun perbezaan di antara kadar pengeluaran sebelum matang dengan kadar terkontrak asal dengan menolak perbezaan tersebut daripada amaun pokok sebelum perolehan daripada pengeluaran itu dikeluarkan dalam CASA yang Ditetapkan.
- 5.4 Mulai 1 Januari 2019, tiada faedah akan dibayar bagi pengeluaran pramatang eFD PB yang diletakkan atau diperbaharui pada atau selepas 1 Mei 2018.

Dari segi ilustrasi, bayaran faedah itu, jika ada, adalah seperti yang berikut:-

Tarikh Peletakan atau Pembaharuan	Tarikh Pengeluaran Pramatang	Pembayaran Faedah
Sebelum 1 Mei 2018	Sebelum 1 Januari 2019	<ul style="list-style-type: none">Faedah tidak akan dibayar bagi eFD PB yang dikeluarkan sebelum genap 3 bulan.
	Mulai 1 Januari 2019	
Mulai 1 Mei 2018	Sebelum 1 Januari 2019	<ul style="list-style-type: none">Bagi eFD PB yang dikeluarkan sebelum matang, selepas genap 3 bulan, faedah akan dikira dan dibayar separuh (1/2) daripada kadar berkontrak asal bagi setiap bulan penuh.
	Mulai 1 Januari 2019	Tiada faedah akan dibayar

6. Pembaharuan

- 6.1 Apabila matang, PB eFD akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada kadar faedah semasa.

7. Hak Tolak Selesai

- 7.1 Bank boleh pada bila-bila masa dengan notis awal selama tujuh (7) hari kepada pemegang Akaun untuk menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang terdapat dalam kredit Akaun PB eFD bagi memenuhi apa-apa liabiliti, secara bersejema atau berasingan, bagi akaun lain milik pemegang Akaun.

8. Penyata Akaun

- 8.1 Penyata akaun suku tahunan yang menyenaraikan PB eFD individu dan urus niaga yang berkaitan akan dikeluarkan oleh Bank dan disediakan dalam talian melalui peti mel PBe.
- 8.2 Pemegang Akaun hendaklah menyemak dengan teliti kesemua entri dalam penyata dengan segera dan melaporkan dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat di dalamnya. Jika Bank tidak menerima apa-apa makluman secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan urus niaga pengeluaran atau peletakan pada penyata tersebut, tuan/puan akan dianggap telah menerima entri berkenaan yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam penyata sebagai betul, mengikat, terakhir dan konklusif dan dengan itu menerima semua pengeluaran atau debit-debit lain dalam akaun berkenaan.

9. Akta Wang Tidak Dituntut 1965

- 9.1 Menurut Akta Wang Tidak Dituntut 1965, pembaharuan automatik PB eFD akan dikelaskan sebagai "wang tidak dituntut" tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir dalam Akaun PB eFD.
- 9.2 Pemegang Akaun perlu datang sendiri ke Bank sebelum berakhirnya tahun ke-7 itu untuk mengaktifkan semula akaun tersebut. Jika tidak, pada tahun ke-7, Bank akan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari sebelum mengambil tindakan untuk memindahkan baki dana dalam Akaun PB eFD itu kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

10. Am

- 10.1 Walau apa pun peruntukan di dalam ini, Bank berhak atas budi bicara mutlaknyanya untuk menghalang pengendalian Akaun PB eFD ini sekiranya Bank mengesyaki bahawa akaun tersebut digunakan untuk apa juga tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 10.2 Terma dan syarat di dalam ini hendaklah tertakluk pada peruntukan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan apa-apa perubahan lain dari semasa ke semasa, serta apa-apa arahan daripada Bank Negara Malaysia. Selanjutnya, Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda atau menyemak apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, ciri-ciri dan manfaat Akaun PB eFD dengan mempamerkan notis mengenai semakan tersebut di premis dan laman web Bank sebelum semakan itu dikuatkuasakan.

[RUANG DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]